

# **PENANDA WACANA *ADAPUN* DALAM MANUSKRIP *TAJ AL-SALATIN***

**(*The Discourse Marker Adapun in The Manuscripts of Taj al-Salatin*)**

*Nor Diyana Saupi\**

diyana\_saupi@uitm.edu.my

Akademi Pengajian Bahasa,  
Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Selangor.

*Mohammad Fadzeli Jaafar*

fadzeli@ukm.edu.my

Program Linguistik, Pusat Literasi dan Transformasi Sosiobudaya,  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia.

Terbit dalam talian (*published online*): 5 Jun 2020

Sila rujuk: Nor Diyana Saupi dan Mohammad Fadzeli Jaafar. (2020). Penanda Wacana *Adapun* dalam Manuskrip *Taj al-Salatin*. *Jurnal Bahasa*, 20(1), 1-20.

## **Abstrak**

Makalah ini bertujuan untuk menganalisis penggunaan penanda wacana “adapun” yang terdapat dalam manuskrip Melayu lama, iaitu *Taj al-Salatin* hasil karya Bukhari al-Jauhari. Teks ini telah dihasilkan pada abad ke-16 semasa pemerintahan Sultan ‘Alauddin Ri’ayat Shah Sayyid al-Mukammil (1590-1604) dengan tujuan untuk membantu baginda memerintah kerajaan Acheh dengan baik berteraskan ajaran agama Islam. Perbincangan kajian ini tertumpu pada fungsi yang didukung oleh penanda wacana *adapun* yang hadir sebagai alat perpautan nahuani seperti yang dicadangkan dalam Teori Kohesi oleh Halliday dan Hasan (1995). Analisis makalah ini direalisasikan dengan menggunakan data kekerapan *adapun* yang diambil daripada *Malay Concordance Project* (MCP) secara atas talian. Hasil dapatkan kajian

ini menunjukkan penanda wacana *adapun* turut membawa fungsi yang lebih daripada sekadar alat perpautan nahan semata.

Kata kunci: Penanda wacana, perpautan, *Taj al-Salatin*, Teori Kohesi

### Abstract

*The aim of this paper is to examine the use of “adapun” as a discourse marker in the classical Malay manuscript Taj al-Salatin by Bukhari al-Jauhari. The text was written in the 16th century during the reign of Sultan Alauddin Ri’ayat Shah Sayyid al-Mukammil (1590-1604) in Aceh, as a guide for good governance based on the teachings of Islam. This study focuses on describing the function of the discourse marker “adapun” as a grammatical cohesive device, such as is proposed in the Cohesion Theory of Halliday and Hasan (1995). This analysis was carried out using occurrences of ‘adapun’ obtained from the Malay Concordance Project (MCP). The study finds that the ‘adapun’ plays a bigger role rather than just as a grammatical cohesive device.*

*Keywords:* Discourse markers, cohesion, Taj al-Salatin, Cohesion Theory

## PENDAHULUAN

Penanda wacana memainkan peranan yang penting dalam wacana tulisan. Dalam penghasilan sebuah teks yang baik dan utuh, penggunaan penanda wacana yang tepat perlu dititikberatkan oleh pewacana. Setiap pengarang perlu memastikan penanda wacana yang digunakan dalam wacana tulisan benar-benar dapat menyampaikan idea yang berkesinambungan, seterusnya membantu memberikan kefahaman kepada pembaca teks (Wei Sun, 2013). Penanda wacana telah dibincangkan oleh para sarjana bahasa yang menggunakan istilah yang pelbagai berdasarkan bidang dan jenis wacana. Misalnya Bloor dan Bloor (1995) menggunakan istilah *cohesive ties* bagi menunjukkan perpautan antara ayat melalui penanda wacana dalam teks bertulis. Halliday dan Matthiessen (2004) pula menggunakan istilah *semantic ties* bagi menunjukkan bahawa unsur perpautan yang didukung oleh penanda wacana itu turut mengandungi makna semantik. Istilah *discourse connectives* oleh Schiffrin (1987) dan *discourse signals* oleh Thompson (1996) telah diuraikan dengan menggunakan wacana lisan. Schiffrin menyatakan penanda wacana digunakan dalam komunikasi verbal dengan tujuan untuk menautkan idea

semasa pertukaran ujaran berlaku. Thompson pula menjelaskan penanda wacana ialah alat linguistik yang digunakan oleh pewacana lisan untuk menautkan ayat bagi mewujudkan unsur koherensi. Perbincangan tentang penanda wacana di Malaysia banyak dilakukan oleh Asmah (1991, 1995) melalui pengamatannya terhadap teks Melayu klasik. Asmah telah memerikan penanda wacana sebagai kata hubung yang berfungsi untuk mengaitkan butir-butir wacana supaya keseluruhan teks atau wacana bagi memperlihatkan satu ketenunan. Sanat (2002) pula berpendapat bahawa penanda wacana dapat disamakan dengan kata penghubung ayat (*sentence connectors*) yang bertujuan untuk mentautkan ayat semasa dengan ayat sebelumnya.

Makalah ini memanfaatkan teks manuskrip Melayu lama, *Taj al-Salatin* (Mahkota Raja-raja) karya Bukhari al-Jauhari. Teks ini merupakan sebuah kitab genre ketatanegaraan pertama dalam kesusasteraan Melayu Islam (Jelani, 2003). Inti pati utama teks ini membincangkan etika kepimpinan, pengurusan pemerintahan, panduan dan petunjuk kepada pemimpin yang dilihat sangat relevan pada zaman tersebut sehingga kini (Wan Zailan, 2016). Menurut Weststeijn (2017), *Taj al-Salatin* merupakan sebuah teks yang menerangkan tanggungjawab dan tugas raja dan pemerintah seperti tajuk kitab itu sendiri, iaitu “Mahkota Raja-raja”. Teks yang terdiri daripada 222 muka surat dan mengandungi 24 fasil ini merupakan sebuah karya bersifat didaktik (karya penasihat Khalifah) yang membawa mesej pendidikan, yang bertujuan untuk membimbing pemimpin tentang tatacara pemerintahan Islam. Di samping itu juga bertujuan untuk mengawal raja daripada terus bermaharajalela (Shah Rul Anuar & Nik Kamal, 2014, p. 4). Sungguhpun dalam setiap fasil ada diselitkan kisah dan fungsi bahasa yang bersifat naratif, namun idea utama keseluruhan teks ini tidaklah secara keseluruhannya menggunakan unsur tersebut sehingga boleh dikelompokkan sebagai teks penceritaan. Unsur naratif yang diintertekstualitikan dalam teks ini hanya bertujuan untuk mengukuhkan idea utama sahaja. Keseluruhan teks ini secara jelas memberikan panduan dan tatacara yang lengkap untuk menjadi pemimpin.

Fokus kajian ini adalah untuk melihat fungsi kata wacana *adapun* yang hadir pada pangkal ayat sebagai penanda wacana. Kajian ini tidak berhajat untuk menyentuh fungsi kata penanda wacana *adapun* dari aspek kebahasaan yang lain kerana berada di luar skop dan batasan perbincangan kajian. Di samping itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengiktiraf fungsi utama kata *adapun* sebagai unsur penegasan kepada ayat dan kelas kata yang mengiringinya. Teks *Taj al-Salatin* ini merupakan sebuah teks yang

bersifat ketatanegaraan berteraskan politik Islam. Setiap bab dinamakan sebagai fasal yang mengandungi panduan, cara dan prosedur untuk membentuk struktur pucuk kepimpinan yang baik selari dengan ajaran agama Islam. Teks yang bersifat didaktik ini memerlukan jalinan ayat yang jelas dan perpautan yang utuh bagi membolehkan pembaca memberikan fokus dan memahami setiap ajaran yang disampaikan (Asmah, 1991). Penggunaan penanda wacana yang tepat dapat merealisasikan hasrat ini. Yang dimaksudkan dengan tepat ialah penanda wacana yang berperanan untuk memberikan unsur perpautan atau kesinambungan idea antara ayat sebelum dan ayat semasa. Contohnya kata wacana *adapun*. Dalam perbincangan makalah ini, kata *adapun* ini diperincikan tidak terhad sebagai alat kohesi, malah fungsi lain yang didukungnya, iaitu sebagai penegas kepada tema ayat.

Peranan kata *adapun* sebagai alat koheren dalam hal mempertalikan ayat dalam *Taj al-Salatin* sangat menarik untuk dikaji berbanding dengan peranannya dalam teks ketatanegaraan yang lain yang sedikit terhad. Teks ketatanegaraan selainnya dihasilkan secara naratif dan fungsi penanda wacana *adapun* dalam teks sedemikian hanya hadir sebagai penambah maklumat (alat perpautan kronologi peristiwa) sahaja. Oleh itu, fungsi penggunaan kata *adapun* dalam teks ini dilihat lebih meluas dan terbuka untuk dibincangkan. Kajian ini berhasrat untuk (i) menghuraikan fungsi kata penanda wacana *adapun* yang hadir sebagai penegas dalam teks *Taj al-Salatin*, dan (ii) menjelaskan perkaitan antara fungsi kata penanda wacana *adapun* dalam teks *Taj al-Salatin* dengan kata yang mengikutinya.

## KAJIAN LEPAS TENTANG MANUSKRIP MELAYU

Kajian manuskrip Melayu lama telah banyak dilakukan dari sudut pandangan kesusasteraan dan kebahasaan. Berdasarkan pengamatan pengkaji, kajian manuskrip Melayu lama juga telah diperluas dengan mengupas dan menjelaskan inti pati kandungan teks dari aspek politik Islam. Dalam perbincangan di bawah rumpun ketatanegaraan dan politik Islam, para pengkaji lampau lebih cenderung untuk menggunakan istilah “kitab” dalam penamaan teks Melayu lama. Berbeza dengan dimensi perbincangan kesusasteraan dan kebahasaan, teks Melayu lama dirujuk sebagai “manuskrip”. Setakat diperhatikan, para pengkaji lepas lebih cenderung untuk melihat *Taj al-Salatin* sebagai sebuah kitab yang membincangkan tentang dakwah. Contohnya, Jelani Harun (2017) menekankan kepentingan kedudukan karya agung (manuskrip

Melayu) tentang adab ketatanegaraan dalam memastikan kelestarian cara kepimpinan Islam sepanjang zaman. Kajian ini bersifat deskriptif dengan menggunakan empat manuskrip Melayu lama, iaitu *Taj al-Salatin*, *Bustanul Salatin* dan dua buah manuskrip *Nasihat al-Muluk*. Melalui kajian kitab *Taj al-Salatin*, Shah Rul Anuar dan Nik Kamal (2014) melihat impak dakwah yang terdapat dalam kitab tersebut kepada masyarakat Melayu di Aceh pada abad ke-17. Kajian ini menggunakan metod analisis kandungan dan melihat kitab *Taj al-Salatin* sebagai sebuah kitab yang jelas memberikan impak kepada masyarakat Aceh pada ketika itu. Seterusnya, kajian oleh Shah Rul Anuar (2012) menjelaskan perbandingan antara tiga karya agung, iaitu kitab *Taj al-Salatin*, *Sulalatus Salatin* dan *Bustan al-Salatin*. Tujuan perbandingan ini dilakukan adalah untuk mengenal pasti persamaan dan perbezaan pemikiran politik yang terkandung dalam kitab tersebut. Shahahir (2013) pula melihat perkembangan teori kepimpinan Islam yang ideal berdasarkan karya dan manuskrip Melayu lama. Tujuan kajian ini secara jelas cuba untuk membincangkan teori kepimpinan Islam yang ideal yang terdapat dalam karya dan manuskrip Melayu lama termasuk *Taj al-Salatin*. Selanjutnya, kajian Wan Zailan (2016) bertujuan untuk menerangkan tentang kedudukan dan hubungan antara raja dan rakyat berdasarkan pemerhatian terhadap kitab *Taj al-Salatin*. Hasil kajian ini membincangkan kepentingan, relevansi dan kesignifikanan kitab *Taj al-Salatin* kepada peradaban dan tamadun Melayu yang sememangnya mempunyai pengaruh tamadun Islam.

Pemerian berkaitan aspek kebahasaan dengan menggunakan ciri-ciri linguistik terhadap manuskrip Melayu lama masih belum banyak dilakukan oleh para sarjana bahasa Melayu. Setakat ini hanya Asmah (1995), Sato Hirobumi (1997), Mohammad Fadzeli (2012, 2013, 2016) yang mengkaji manuskrip Melayu lama dari perspektif linguistik. Asmah (1991) misalnya, menggunakan teks Melayu pada abad ke-16, iaitu *Aqaid al-Nasafi* untuk membincangkan aspek morfologi, sintaksis, dan sistem nahu. Sato Hirobumi (1997), juga turut menghuraikan aspek kebahasaan teks *Hikayat Hang Tuah*. Perbincangan Sato Hirobumi merangkumi susunan wacana melalui skop maklumat lama dan maklumat baharu, dan penggabungan susunan maklumat dan susunan ayat yang logik bagi membentuk wacana yang lengkap. Adi Yasran dan Halimah (2009) telah membincangkan aspek fonologi yang terdapat dalam manuskrip *Undang-Undang Pelabuhan Kedah*. Pemerian ini termasuklah pengaruh dialek, kata pinjaman Sanksrit dan Arab, dan ciri-ciri pentadbiran Islam yang terdapat di dalamnya. Seterusnya, Mohammad Fadzeli (2012) melihat

komponen tekstual yang terdapat dalam teks *Umdat al-Muhtajin ila Suluk Maslak al-Mufridin* (UMSMM). Kajian ini melihat kehadiran kata penanda wacana yang bukan sahaja berfungsi sebagai komponen tekstual yang menghubungkan ayat dalam wacana malahan juga berfungsi sebagai penegas kepada tema ayat. Mohammad Fadzeli (2013) juga mengkaji teks berunsur sejarah, iaitu *Hikayat Johor* serta *Hikayat Pahang*. Dua fungsi utama penanda wacana yang ditekankan ialah sebagai pemula peristiwa dan penyambung peristiwa, namun terdapat beberapa fungsi lain juga ditemui, iaitu sebagai penegas fakta, penyebab peristiwa, penambah peristiwa dan penanda waktu peristiwa.

Semua pengkaji lepas ini secara umumnya telah menghuraikan aspek kebahasaan yang terdapat dalam manuskrip Melayu lama dengan menggunakan pendekatan sistemik fungsional seperti yang dicadangkan oleh Halliday dan Hasan (1995). Yang ditekankan dalam teori ini ialah fungsi bahasa yang turut mendukung makna semantik dalam setiap segmen ayat itu sendiri. Perbincangan kajian lepas ini tidak terhad pada fungsi semantik semata-mata, malah turut merangkumi aspek linguistik yang lain seperti morfologi, sintaksis, dan sistem nahu. Maka, makalah ini berhasrat untuk menyambung usaha para cendekia ini untuk membedah struktur bahasa yang terdapat dalam manuskrip Melayu lama dari aspek yang berbeza, iaitu menggunakan teks ketatanegaraan yang memberikan panduan dan tatacara dari perspektif politik Islam.

## METODOLOGI DAN KERANGKA KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang berbentuk deskriptif. Seperti yang dicadangkan oleh Patton (1990), data kualitatif ini dianalisis dengan menggunakan bahan bertulis sejarah lampau. Data kajian ini diperoleh dengan mengakses laman sesawang *Malay Concordance Project* (MCP)<sup>1</sup>. *Malay Concordance Project* merupakan salah satu usaha yang dijalankan oleh pihak Australia National University (ANU) untuk mendigitalkan koleksi manuskrip Melayu lama bagi tujuan rujukan dan penyelidikan. Setiap manuskrip Melayu lama yang disumbangkan oleh para sarjana telah dijadikan dalam bentuk korpus bagi memudahkan para penyelidik menjalankan kajian berkaitan manuskrip Melayu lama. Melalui MCP, kata wacana *adapun* telah dikenal pasti dengan kehadiran yang tinggi dengan 218 kekerapan. Namun begitu, oleh sebab kajian ini memfokuskan pada pemerihalan fungsi kata penanda wacana *adapun* sahaja, maka data kajian ini dipamerkan setakat yang terlibat sahaja, iaitu sebanyak 74 data. Setiap

data yang menunjukkan fungsi yang sama akan dikira sebagai muncul sekali sahaja. Dengan cara ini, pengulangan perbincangan tentang fungsi yang sama dapat dielakkan. Pelabelan data ditandai dengan mengambil kira ayat, perenggan yang ada pada setiap muka surat teks ini. Contohnya, data (1) ditandai dengan F11.P11.A1 merujuk fasal (F11), perenggan sebelas dalam fasal tersebut (P11), dan ayat pertama (A1). Kemudian, data dikelompokkan berdasarkan kata yang hadir secara serentak dengan kata penanda wacana *adapun* dan frasa yang hadir sebagai predikat ayat. Seterusnya, setiap data dianalisis secara manual dengan menggunakan salinan manuskrip *Taj al-Salatin*. Hal ini bertujuan untuk mendapatkan konteks keseluruhan kata, frasa, klausa, ayat dan perenggan bagi memperlihatkan perpautan di antaranya.

Kajian ini menggunakan kerangka teori kohesi yang dicadangkan oleh Halliday dan Hasan (1995). Kerangka ini mengkategorikan perpautan dua kategori utama iaitu (i) perpautan nahuhan - rujukan, pengguguran, penggantian dan kata hubung, dan (ii) perpautan melalui leksikal. Kohesi nahuhan berfungsi untuk menghubungkan unsur linguistik gramatikal dengan unsur linguistik gramatikal yang lain antara ayat dengan ayat, dengan menggunakan tautan yang kohesif dalam sesebuah teks. Perpautan melalui leksikal pula memperlihatkan kesinambungan dan perpautan dapat dihasilkan melalui pemilihan perkataan. Hal ini boleh dicapai dengan cara mengulang perkataan atau memilih satu perkataan yang mempunyai kaitan dengan perkataan terdahulu sama ada secara semantik, misalnya kedua-dua perkataan itu bersinonim atau berkolokasi.

Berdasarkan kerangka teori kohesi ini, perpautan melalui kata hubung (penanda wacana) telah dibincangkan melalui kategori nahuhan. Unsur kata hubung bersifat kohesif secara tidak langsung. Unsur ini bukanlah bersifat berhubungan secara anaforik. Kohesi kata hubung tidak terikat pada kata, frasa kata dalam ayat sebelumnya tetapi hadir dengan fungsi menautkan makna dan idea secara tautan nahuhan, misalnya tentang proses masa dengan penggunaan frasa *kemudian*, *selepas itu*, dan *akhirnya*. Begitu juga tambahan dan pertentangan, seperti penggunaan *dan*, *akan*, *tetapi*, dan *namun*. Perkaitan yang membawa makna sebab dan akibat seperti penggunaan *oleh itu*, *oleh yang demikian*, *akibatnya* dan *kesannya*. Asmah (1986) mendefinisikan kata penghubung sebagai kata yang menghubungkan dua kata, frasa atau klausa. Stubbs (1983) juga berpendapat bahawa kata hubung berfungsi untuk menghubungkaitkan sesebuah ujaran dengan yang lainnya dan juga berfungsi untuk menandakan sempadan dalam wacana. Penandaan sempadan dalam wacana yang juga

dinamakan penanda wacana inilah yang dibincangkan dalam kajian teks *Taj al-Salatin* ini. Fungsi penanda wacana dalam kajian ini dilihat bukan sahaja mendukung makna dan fungsi sebagai penanda sempadan wacana semata-mata, malah signifikan untuk membawa unsur penegasan dalam penyampaian maklumat dalam ayat.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Penanda wacana *adapun* dalam makalah ini diperihalkan berdasarkan fungsinya dalam ayat. Kata wacana ini didapati berfungsi sebagai penegas kepada pelbagai unsur bahasa, misalnya penegas pada perintah, kata bilangan, kata kerja, kewujudan, kata hubung, waktu, syarat dan kata bantu. Penggunaan kata penanda wacana *adapun* sebagai penegas dalam teks *Taj al-Salatin* dipaparkan dalam Jadual 1.

Jadual 1 menunjukkan kata *adapun* yang hadir sebagai penegas kepada kata kerja telah muncul dengan kekerapan tertinggi, iaitu sebanyak 25 kali (33.78%). Yang kedua tertinggi pula melibatkan penggunaan kata *adapun* bagi menegaskan kata bilangan, iaitu sebanyak 23 kali (31.08%). Kata *adapun* yang hadir sebagai penegas kata bantu pula mencatatkan jumlah sebanyak 8 kali, iaitu dengan peratusan 10.81%. Kehadiran kata *adapun* yang memberikan penekanan kepada kata perintah menunjukkan peratusan sebanyak 8.10%. (6 kali). Seterusnya kekerapan kata *adapun* sebagai penegas kepada kata penanda waktu dan syarat muncul dengan kekerapan sebanyak empat kali dengan peratusan yang sama, iaitu 5.41%. Kehadiran kata *adapun* bersama-sama dengan kata yang menunjukkan

**Jadual 1** Taburan kata *adapun* dalam *Taj Al Salatin*.

Fungsi	Kekerapan	Peratus
Penegas Perintah	6	8.10%
Penegas Kata Bilangan	23	31.09%
Penegas Kata Kerja	25	33.78%
Penegas Kewujudan	3	4.05%
Penegas Kata Hubung	1	1.35%
Penegas Waktu	4	5.41%
Penegas Syarat	4	5.41%
Penegas Kata Bantu	8	10.81%
<b>Jumlah</b>	<b>74</b>	<b>100%</b>

kewujudan ialah sebanyak tiga kali (4.05%) dan penegas kata hubung telah menunjukkan jumlah yang paling sedikit, iaitu hanya sekali (1) atau 1.35%.

## Penegas Perintah

Penanda wacana *adapun* di pangkal ayat dapat dibuktikan bukan hanya hadir sebagai alat linguistik yang menghubungkan kronologi idea dan perpautan ayat bagi mewujudkan koherensi namun juga boleh berfungsi untuk menerangkan tentang sesuatu topik utama ayat dengan lebih tegas. Hal ini dapat dibuktikan melalui fungsi kata *adapun* untuk memberikan penekanan kepada ayat perintah dalam teks kajian ini.

Menurut Asmah (2009), kata perintah bermaksud ayat-ayat yang mempunyai ciri-ciri perintah seperti ayat suruhan, ayat permintaan, ayat silaan, ayat ajakan, ayat larangan dan ayat harapan. Hasil penelitian terhadap teks kajian ini, terdapat jenis ayat perintah yang mempunyai ciri-ciri ayat suruhan yang ditandai dengan kewujudan leksikal *hendaklah*. Contohnya seperti berikut:

- (1) F11.P11.A1. Bermula dalam kitab itu dikatakan dalam segala pekerjaan kerajaan itu terlebih berlaku pekerjaan kalam daripada pedang kerana segala pekerjaan pedang itu dapat berbuat dengan kalam tetapi segala pekerjaan kalam itu tiada dapat berbuat dengan pedang. F11.P11.A12. **Adapun** barang siapa mengetahui segala perintah alam ini, **hendaklah** ia membaca segala kitab dan surat, dan jika tiada ia berbuat itu tiada jua sempurna pengetahuannya dalam segala pekerjaan alam itu.

Perhatikan penggunaan kata *adapun* dalam ayat F11.P11.A12. Bersesuaian dengan cadangan Halliday dan Hasan (1995) yang menyatakan penanda wacana merupakan alat perpautan yang berfungsi untuk menunjukkan koherensi dalam wacana, kata *adapun* dalam ayat ini jelas mendukung fungsi yang sama. Namun begitu, peranan kata *adapun* boleh diperluas fungsi penggunaannya bagi menunjukkan unsur penegasan. Buktinya, melalui ayat ini, peranan *adapun* dilihat mendukung maksud penegasan. Dalam ayat ini, kata *adapun* hadir sebagai unsur yang memberikan penegasan kepada predikat ayat yang bersifat memberi perintah.

Data F11.P11.A12. menunjukkan penggunaan ciri-ciri ayat suruhan dengan kehadiran kata bantu modaliti+partikel (*hendak+lah*) dalam klausa berikutnya. Hal ini bertepatan dengan inti pati keseluruhan fasal ini yang bertujuan untuk memberikan tatacara tentang cara menjadi pemimpin yang arif dan berkemahiran menggunakan wacana tulisan. Fungsi *adapun* sebagai penegas dalam ayat tersebut dilihat sangat perlu bagi memberikan penekanan terhadap idea utama ayat, iaitu menyuruh sesiapa sahaja yang ingin mempunyai ilmu pengetahuan yang sempurna tentang alam ini, seharusnya turut membaca dan meneliti kitab lain sebagai panduan. Oleh itu, dalam usaha menjadi pemimpin yang baik, seseorang itu seharusnya banyak membaca dengan tujuan menambah ilmu pengetahuan di samping mengasah kemahiran menulis. Berdasarkan klausa kedua ayat yang dimulakan dengan kata *hendaklah* jelas menunjukkan unsur penegasan terhadap idea utama ayat ini. Abdullah (2008) menjelaskan bahawa partikel *-lah* menunjukkan ciri penegasan. Dengan menggunakan penanda wacana *adapun* di pangkal ayat, secara jelas memberikan pengukuhan unsur penegasan kepada ayat suruhan tersebut.

### Penegas Kata Bilangan

Asmah (1991) telah membincangkan tentang kata bilangan dalam bahasa Melayu yang hadir dalam teks yang dihasilkan pada abad keenam belas, iaitu *Aqa'id Al-Nasafi*. Menurut beliau, kata bilangan boleh hadir dengan tiga awalan, iaitu *se-*, *ke-*, dan *ber-*. Dalam teks *Taj al-Salatin* ini, hanya dapat ditemui kata bilangan yang hadir dengan imbuhan awalan *se-* dan *ke-* sahaja.

- (2) F18.P14.A1. **Adapun ketiga** perkara kenal itu yang dengan ilmu hukumat, demikianlah yang segala hakim itu mengenal akan segala manusia dengan alam hukumat itu dan mengetahui keadaan segala manusia itu betapa dan perinya apa.
- (3) F5.P151.A1. **Adapun seperkara** itu, yang pada antara raja dan pada antara segala manusia adanya itu pun dua perkara juga adanya.

Kehadiran penanda wacana *adapun* sebelum kata bilangan menunjukkan kekerapan sebanyak 23 kali. Berdasarkan analisis, kata

*adapun* yang dimanfaatkan dalam ayat (2) dan (3) menunjukkan ciri penegasan terhadap kata bilangan sama ada berjumlah tepat mahupun sebaliknya. Dalam teks ini, *adapun* hadir secara serentak bersama-sama dengan kata bilangan dan dilihat mendukung makna yang sama dengan kata penegas *sebenarnya* kepada topik ayat tersebut. Bukti, jika diganti kata *adapun* dengan kata *sebenarnya*, unsur penekanan kepada topik ayat yang menerangkan tentang kata bilangan masih lagi sama fungsinya. Dalam ayat (2), penanda wacana *adapun* mempunyai maksud yang sama dengan kata penegas *sebenarnya ketiga perkara kenal itu yang dengan ilmu hukumat*. Unsur penegasan dilihat sangat perlu dalam konteks ayat ini yang bertujuan untuk memberitahu jumlah yang tepat tentang ciri-ciri yang perlu dimiliki oleh seseorang sultan dan raja untuk menjadi pemerintah yang adil, iaitu dengan penguasaan ilmu yang tinggi. Begitu juga dengan ayat (3) jika diganti kata *adapun* seperti berikut, *sebenarnya seperkara itu, yang pada antara raja dan pada antara segala manusia*. Perbincangan dalam konteks ini adalah tentang tatacara dan panduan kepada pemimpin untuk menjadi pemerintah yang baik adalah dengan cara menjaga hubungannya dengan Allah SWT. Hal ini membuktikan fungsi kata *adapun* telah digunakan untuk memberikan penegasan kepada perkara yang penting ini.

Sungguhpun makalah ini berpendapat kata *adapun* dan *sebenarnya* mendukung fungsi yang sama, namun kata penegas *sebenarnya* tidak digunakan dalam teks ini. Bertepatan dengan sifat bahasa Melayu pada abad ke-16 sehingga abad ke-20 yang tidak menggunakan kata penegas *sebenarnya* pada pangkal ayat berbanding bahasa Melayu pada masa kini. Hal ini dibuktikan dengan hasil penelitian terhadap beberapa teks Melayu klasik seperti *Hikayat Merong Mahawangsa*, *Hikayat Hang Tuah* dan *Aqa'id Al Nasafi*.

## Penegas Kata Kerja

Kata kerja ialah kata yang berfungsi pada predikat dalam ayat subjek-predikat-objek-adjung (Asmah 2015). Dalam konteks perbincangan ini, kehadiran kata penanda wacana *adapun* secara serentak bersama-sama dengan kata kerja juga turut berfungsi untuk memberikan penegasan kepada predikat ayat. Perkara ini dibincangkan dengan lebih lanjut berdasarkan contoh data yang berikut.

- (4) F20.P35.A1. **Adapun diceriterakan** dalam kitab Akhbar al-Muluk bahawa Allah Subhanahu wa Ta’ala memberikan kebesaran itu akan Sultan Iskandar Zulkarnain daripada tiga perkara perinya itu.
- (5) F24.P4.A1. **Adapun pesan** yang pertama iaitu akan segala raja-raja itulah bahawa barang siapa daripada segala raja-raja itu yang ada mendapatkan kitab ini hendaklah dimuliakan dan mengetahui dia bahawa kitab inilah tanda kurnia Allah Ta’ala padanya akan kebajikan dunia dan akhirat kerana diceritakan dalam kitab hadith sabda Nabi Muhammad Rasulallah SAW.

Dalam ayat (4), penggunaan kata penanda wacana *adapun* diikuti kata kerja *diceritakan* menunjukkan fungsi penegasan kepada kronologi peristiwa. Dengan mengambil kira pertalian ayat dalam fasal ini, dapat disimpulkan bahawa idea utama perenggan ini adalah untuk memberikan panduan secara tidak langsung melalui penceritaan. Melalui penceritaan, penulis berhasrat untuk memberitahu bahawa ciri pemimpin yang baik ialah seseorang yang menunaikan janjinya kepada rakyat. Kata *adapun* digunakan untuk memberikan penegasan bahawa wujudnya peristiwa yang memberikan panduan untuk mewujudkan kepimpinan yang baik.

Perhatikan ayat (5) yang menunjukkan fungsi kata *adapun* yang menegaskan kata kerja yang mengiringinya, iaitu *pesan*. Dalam ayat ini, penulis telah memberikan peringatan kepada para pemimpin yang memiliki dan mengetahui tentang kitab ini untuk memuliakannya. Hal ini kerana kitab ini dianggap sebagai sebuah kitab yang lengkap dalam memberikan panduan kepada pemimpin untuk menjadi pemerintah yang baik. Penggunaan kata *adapun* dalam ayat ini berfungsi untuk memberikan penegasan kepada peringatan dan pesan yang disampaikan oleh penulis.

## **Penegas Kata Hubung**

Sungguhpun penanda wacana *adapun+bahawa* hanya hadir sekali sahaja dalam teks ini, namun perbincangan ini dilanjutkan kerana fungsi kata *adapun* yang digunakan berturutan dengan kata hubung *bahawa* yang juga berunsur sebagai penegas. Menurut Sato Hirobumi (1997) dan Mohammad Fadzeli Jaafar (2012), kata penanda wacana *adapun* mempunyai persamaan fungsi dengan kata *bahawa*. Perbincangan Sato Hirobumi (1997) melalui

teks *Hikayat Hang Tuah* telah memberikan persamaan makna antara kata *adapun* dengan kata penghubung yang lain seperti *dan*, *bagaimanapun*, dan *bahawa sesungguhnya*. Pendapat Sato Hirobumi (1997) ini disokong oleh Mohammad Fadzeli (2012) bahawa kata *adapun* hadir dengan tujuan untuk memberikan penegasan kepada ayat. Namun begitu, menurut Sato, fungsi penegas yang didukung oleh kata *adapun* ini tidak semestinya diberikan penekanan yang keras kerana fungsi penegasan ini masih tertakluk pada pusat maklumat dalam ayat. Sedikit berbeza dengan hasil analisis Mohammad Fadzeli yang telah memperincikan penggunaan kata *adapun* oleh penulis pada abad ke-17 sebagai penegas kepada tema ayat, makalah ini tidak berhasrat menyangkal pendapat dan penjelasan kedua-dua sarjana ini. Hal ini kerana, berdasarkan pengamatan, teks *Taj al-Salatin* ini menunjukkan pola penggunaan kata *adapun* dan *bahawa* secara berturutan.

- (6) F7.P117.A1. **Adapun bahawa** raja yang adil itu tiada dapat ia membesar dirinya kerana orang yang membesar diri itu daripada tanda murka Tuhan Yang Maha Tinggi akan dia dan kelakuan mereka itu menghilangkan budi manusia.

Ayat (6) ini merupakan ayat yang memberikan panduan kepada pemimpin untuk sentiasa bersikap rendah diri dan tidak riak. Penggunaan kata *adapun* pada awal ayat secara implisitnya untuk memberikan penegasan kepada ayat ini yang bertujuan menerangkan bahawa sifat sompong itu merupakan petanda kemurkaan Allah dan akan menyebabkan rakyat hilang rasa hormat kepada pemerintah. Oleh itu, seorang raja itu perlu sentiasa mengamalkan sifat zuhud. Fungsi kata *adapun* dalam teks ini yang hadir secara serentak dengan kata hubung *bahawa* secara jelas menunjukkan unsur penegasan kepada kata hubung tersebut. Unsur penegasan ini dilakukan berfungsi untuk memberikan penekanan kepada peringatan dan pesan yang disampaikan oleh penulis, iaitu syarat menjadi pemimpin yang adil seharusnya tidak bersikap sompong.

## **Penegas Waktu**

Asmah (1995) dan Sato Hirobumi (1997) pernah membincangkan tentang penanda waktu dan dalam kajian mereka. Kata *adapun + apabila* yang hadir secara serentak dalam teks kajian ini telah menunjukkan gaya dan

cara penulisan yang sama dengan karya teks klasik sezamannya. Namun begitu, yang menariknya dalam teks ini, kemunculan kata penanda wacana *adapun* yang hadir berturutan dengan kata *maka* yang boleh dibincangkan dengan lebih lanjut.

- (7) F7.P98.A1. **Adapun apabila** sudah tiga hari lalu dan pada malam keempatnya, sampai, maka Sultan Ziad pun naiklah ke atas kudanya serta berapa orang berjalan pada antara negeri.
- (8) F2.P40.A1. **Adapun apabila** sudah dengan kurnia Tuhan kenallah adamu dan Tuhanmu yang menerbitkan nyawamu.
- (9) F7.P126.A1. **Adapun maka** ditanyakan seorang daripada hadhrat Nabi alaihissalam.

Ayat (7) menunjukkan wujudnya jenis wacana naratif yang diinterdiskursifkan ke dalam teks ini. Tujuan wacana jenis ini dimasukkan ke dalam wacana semasa adalah untuk memberikan panduan kepada pemimpin. Wacana ini telah menunjukkan hadirnya kronologi peristiwa dalam penceritaan tentang ketegasan dalam membuat keputusan oleh pemimpin. Dalam teks ini, penulis memberikan panduan bahawa jika seseorang pemimpin telah membuat keputusan tentang sesuatu perkara, maka pemimpin tersebut perlu bersikap tegas dan terus mempertahankan pendiriannya. Kehadiran kata *adapun* secara jelas memberikan unsur penegasan kepada penanda waktu dalam wacana naratif tersebut.

Penelitian terhadap ayat (9) juga menunjukkan pola penggunaan kata *adapun* yang sama apabila kata wacana tersebut turut hadir sebagai unsur penegas dan penekanan kepada penanda waktu *maka*. Asmah (1991) menjelaskan bahawa kata *maka* hadir sebagai penanda waktu bagi menunjukkan peralihan peristiwa yang membawa dua makna, iaitu *kemudian* dan *lalu*. Kata *maka* boleh disamakan dengan kata *lalu* berdasarkan konteks ayat ini. Kehadiran kata *adapun* sebagai unsur penegas kepada penanda waktu ini dapat dibuktikan dengan penggunaannya pada pangkal ayat. Kata *adapun* digunakan bagi menunjukkan darjah kesungguhan yang tinggi oleh penulis bagi menyampaikan cerita tentang kisah Nabi Muhammad SAW yang telah menunjukkan ciri kepimpinan yang baik.

## Penegas Kewujudan

Kehadiran kata *adapun* bagi menunjukkan unsur penegasan kepada kewujudan hanya hadir sebanyak tiga kali sahaja dalam teks ini. Berdasarkan hasil analisis, gabungan kata *adapun* dan kata kerja ada (*adapun + ada*) yang hadir secara serentak telah memberikan satu fungsi makna yang baharu, iaitu sebagai penegas kepada kewujudan.

- (10) F9.P40.A1. **Adapun ada** di sana sebuah rumah perempuan tua dan seorang pun tiada daripada kaum keluarganya yang dapat menaung dia dalam kesukaran itu dan ia pun dengan tuanya.
- (11) F15.P28.A1. **Adapun ada** suatu hari Khasru itu duduk di atas mahligai serta isterinya.
- (12) F1.P34.A1. **Adapun adamu** itu sebagai suatu manikam juga tetapi kemuliaan manikam itu nyata daripada Cahaya yang ada sertanya tetapi kami tiada dapat mengatakan Cahaya itu.

Teks kajian ini menunjukkan pola penggunaan kata penanda wacana *adapun* sebagai unsur penegas kepada kata *ada* dalam tiga konteks yang berbeza, iaitu tempat, masa dan keadaan. Perbincangan dimulakan dengan ayat (10) dengan meneliti kehadiran kata *adapun* yang hadir sebagai unsur penegasan kepada kewujudan sebuah rumah yang didiami oleh seorang perempuan tua dalam ayat tersebut. Penggunaan kata *adapun* telah menunjukkan dengan tegas tentang idea kewujudan tempat. Keseluruhan latar cerita ini adalah berkenaan cara penulis dalam usaha menyampaikan ajaran untuk menjadi pemimpin yang baik adalah dengan sentiasa mengambil tahu tentang rakyat dan tidak berbuat anjaya. Penulis teks ini telah menggunakan jenis wacana penceritaan seperti ini dalam usaha memberikan panduan kepada pembaca untuk menjadi pemimpin yang tidak menganiaya rakyat demi kepentingan peribadi.

Hal yang sama juga berlaku kepada ayat (11). Penekanan terhadap kewujudan masa menjadi lebih tegas apabila kata *adapun* digunakan melalui ayat (11) *adapun ada suatu hari*. Unsur penegasan ini digunakan oleh penulis bagi menyampaikan kronologi peristiwa yang menunjukkan unsur kewujudan. Penggunaan kata *adapun* secara langsung memberikan impak kepada pembaca bahawa kewujudan penanda masa itu sangat

penting dan relevan untuk menautkan keseluruhan idea wacana naratif tersebut. Ayat (12) pula menunjukkan unsur penegasan kewujudan keadaan kepada wacana deskriptif. Sedikit berbeza dengan ayat (10) dan ayat (11), penulis telah menggunakan kata *adapun* bagi memberikan unsur penegasan kepada wacana deskriptif. Dalam bahagian ini, penulis telah menghuraikan tentang sifat manusia yang menjadi pemimpin perlu bersikap adil dan saksama. Sekiranya pemimpin itu tidak mempunyai kemahiran kepimpinan yang baik, maka sia-sia sahaja kerajaan yang dinaunginya. Penggunaan kata *adapun* ini telah menegaskan tentang kesan daripada kepimpinan yang tidak telus dan tidak adil.

## Penegas Syarat

Kehadiran kata penanda wacana *adapun* dan kata syarat *jika* dan *jikalau* tidak menunjukkan jumlah yang tinggi. Berdasarkan teks ini, hanya sekali sahaja *adapun+jika* hadir manakala *adapun+jikalau* digunakan sebanyak tiga kali. Asmah (1995) mengkategorikan *jika* dan *jikalau* sebagai kata hubung andaian. Yang dapat diterjemahkan dalam kajian ini, pendapat Asmah (1995) tentang kata hubung andaian ini boleh ditukar ganti kedudukan dengan kata *sekiranya* dalam bahasa Melayu moden.

- (13) F8.P56.A1. **Adapun jika** seseorang bertanyakan betapa peri dan kerja kerajaan segala raja-raja Yamung namanya dan apa berhalanya bahawa empat ribu tahun mengerjakan kerajaan itu dengan sentosanya betapa perinya dan peri benar itu.
- (14) F24.P42.A1. **Adapun jikalau** dilihat segala rakyat itu rajanya jahil dan zalim menganiayai atas segala rakyat, maka raja itu tanda murka Allah Ta'ala jua akan segala rakyat haruslah mereka itu takut daripada murka Allah Ta'ala...
- (15) F13.P80.A1. **Adapun jikalau** orang banyak itu mendapatkan barang yang dianugerahkan itu maka samalah dengan hamba mendapatkan orang yang memberi anugerah itu kerana jikalau orang banyak itu mendapat permata maka hamba mendapatkan yang empunya permata...

Berdasarkan ayat (13), penulis menceritakan tentang panduan untuk menjadi pemimpin yang baik perlu mempunyai sifat adil dan bijaksana. Panduan ini disampaikan melalui wacana penceritaan semula yang diinterdiskursifkan dalam wacana semasa. Penulis menegaskan untuk menjadi pemimpin yang baik, perlu diteladani oleh kepimpinan yang baik melalui pemerintahan yang adil dan bijaksana. Kata *adapun* digunakan oleh penulis bagi memberikan unsur penegasan kepada kepentingan syarat pemerintahan yang baik mesti mempunyai ilmu pengetahuan yang luas. Ayat (14) dan ayat (15) juga menunjukkan ciri dan unsur penegasan yang sama bagi menunjukkan syarat kepada rakyat untuk menjadi ahli masyarakat yang baik perlu menyokong dan memberikan kerjasama kepada pemerintah. Penulis menggunakan kata *adapun* bagi menekankan kepentingan syarat untuk menjadi pemerintah yang baik perlu mendapat kerjasama dan sokongan sepenuhnya oleh rakyat. Kata *adapun* digunakan sebagai penegas kepada syarat tersebut.

### **Penegas Kata Bantu**

Pemerian tentang penggunaan kata *adapun* yang hadir selepas kata *akan* telah dibincangkan secara terperinci oleh Sato Hirobumi (1997) dalam teks *Hikayat Hang Tuah*. Sato mendapati gabungan kata *adapun+akan* membawa makna *mengenai*. Dalam *Taj al-Salatin*, kekerapan kehadiran kata *adapun* yang hadir selepas kata *akan* ditemui sebanyak 7 kali.

Contohnya:

- (16) F22.P41.A1. **Adapun akan** badui itu tiada pernah ia melihat dan tiada pernah orang berjanji dengan dia.
- (17) F15.P42.A2. **Adapun akan** ikan itu bukan ia jantan dan bukan betina tetapi adalah khuntha.
- (18) F15.P17.A1. **Adapun akan** dua ratus ribu tahil yang dijanjikan dengan labanya empat ratus ribu tahil berapa adanya itu yang menyebutkan dia pada hadapan kami dan mengira-ngira banyaknya itu kepada kami.

Perhatikan ayat (16) dan ayat (17) yang menunjukkan tatacara menjaga hubungan antara rakyat dan rakyat. Bagi membentuk sebuah kepimpinan yang sempurna, rakyat perlu dididik dan diterapkan nilai murni untuk menjaga hubungan sesama sendiri melalui wacana naratif yang dimasukkan dalam teks semasa. Hasil penelitian, gabungan kedua kata *adapun+akan* berfungsi untuk mengukuhkan kata *akan*. Kata *adapun* hadir sebagai unsur penekanan kepada idea utama ayat yang terdiri daripada binaan frasa nama. Teks ini juga menunjukkan bahawa kata *adapun+akan* turut digunakan di hadapan kata bilangan dan berfungsi sebagai peneges. Bukti, ayat (18) yang menunjukkan kata *adapun* berfungsi untuk memberi penyataan yang tegas dan jumlah yang tepat, iaitu *dua ratus ribu tahil* dalam wacana penceritaan yang bertujuan untuk memberikan panduan tentang ciri rakyat yang baik perlu menghargai pemberian pemimpin.

## IMPLIKASI KAJIAN

Kajian ini telah membincangkan tentang fungsi penegesan dan penekanan yang dibawa oleh kata penanda wacana *adapun* yang hadir pada pangkal ayat. Berdasarkan analisis, dapatlah dirumuskan fungsi *adapun* dalam teks *Taj al-Salatin*.

Kata penanda wacana *adapun* mendukung fungsi yang lebih daripada sekadar alat perpautan antara ayat sebelum dan selepasnya. Kata penanda wacana *adapun* hadir dengan fungsi peneges kepada topik utama ayat bagi memberikan kesan yang lebih mendalam kepada pembaca. Hal ini kerana teks ini merupakan teks tatacara dan seharusnya bersifat tegas.

Kata penanda wacana *adapun* boleh hadir sebagai peneges tanpa mengira kata dan frasa yang mengiringinya selepas itu. Maksudnya, kata wacana *adapun* bersifat fleksibel dan boleh digandingkan dengan pelbagai kelas kata bagi mendukung fungsi penegesan dan penekanan.

Kajian terhadap manuskrip Melayu lama dengan menggunakan teori daripada disiplin linguistik terbukti mampu memberikan sudut pandangan baru untuk memartabatkan kajian kebahasaan dalam bahasa Melayu.

## KESIMPULAN

Kata penanda wacana *adapun* merupakan kata arkaik yakni tidak digunakan lagi dalam mana-mana teks bahasa Melayu moden. Namun begitu, dengan mengaplikasikan Teori Kohesi oleh Halliday dan Hassan, dalam teks *Taj al-Salatin* karya Bukhari al-Jauhari yang diambil daripada

*Malay Concordance Project* secara dalam talian, ditemui penanda wacana *adapun* bukan sekadar alat perpautan dalam teks tersebut. *Adapun* hadir sebagai fungsi penegas kepada topik utama ayat. Penanda wacana ini bersifat fleksibel dan boleh digandingkan dengan pelbagai kelas kata bagi mendukung fungsi penegasan.

Kajian ini diharapkan telah membuka ruang untuk perbincangan lanjut tentang fungsi kata penanda wacana arkaik yang lain dalam bahasa Melayu klasik sekali gus membuktikan bahawa bahasa Melayu klasik sebenarnya kaya dengan kata penanda wacana yang hadir dengan pelbagai fungsi.

## NOTA

1 Data diperoleh secara atas talian di laman sesawang <http://mcp.anu.edu.au>.

## PENGHARGAAN

Ucapan terima kasih kepada geran projek penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (GP-K0067564) yang telah membiayai kajian ini.

## RUJUKAN

- Adi Yasran Abdul Aziz & Halimah Hassan. (2009). Sahsiah dan Jati Diri Negara Bangsa dalam Manuskrip Undang-Undang Pelabuhan Kedah. *Jurnal ASWARA*, 4(2). 129-139.
- Asmah Haji Omar. (1991). *Bahasa Melayu Abad Ke-16: Satu Analisis Berdasarkan Teks Melayu Aqaid al-Nasafi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1995). *Bahasa Kesusastraan Klasik Kedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1986). *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Asmah Haji Omar. (2009). *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hassan. (2008). *Tatabahasa Pedagogi Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Halliday, M.A.K & Hasan, R. (1995). *Cohesion in English*. London: Longman.
- Jelani Harun. (2013). Idealisme keadilan undang-undang: karya ketatanegaraan sebagai respons intelektual terhadap undang-undang adat Melayu. Mohamad Mokhtar Abu Hassan (Ed.) *Kesusasteraan dan Undang-undang*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Jelani Harun. (2017). Kedudukan Istimewa Karya Agung Adab Ketatanegaraan Kesultanan Aceh Darussalam dalam Sejarah Persuratan Melayu. *Melayu*:

- Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 10(2), 139-162.
- Malay Concordance Project. Dicapai pada 20 Februari 2019 daripada <http://mcp.anu.edu.au>
- Mohammad Fadzeli Jaafar. (2012). Analisis Komponen Tekstual dalam Teks Melayu Klasik Abad Ke-17. *Jurnal Bahasa*, 12(2), 163 – 180.
- Mohammad Fadzeli Jaafar. (2013). Penanda Wacana dalam Teks Melayu Lama Berunsur Sejarah. *Jurnal Bahasa*, 13(2), 243-258.
- Mohammad Fadzeli Jaafar. (2016). Gaya Ujaran dalam Teks Kesuasteraan Melayu. *Jurnal Komunikasi*, 32(2), 341-361.
- Patton, M. Q. (1990). *Qualitative Evaluation and Research Methods* (edisi kedua). Newbury Park, CA: Sage Publications, Inc.
- Sato Hirobumi. (1997). *Analisis Nahu Wacana Bahasa Melayu Klasik Berdasarkan Teks Hikayat Hang Tuah: Suatu Pandangan dari Sudut Linguistik Struktural-Fungsian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shaharir Mohamad Zain (2013). Perkembangan Teori Kepemimpinan Islam-Melayu di Pascabima sejak Kedatangan Islam hingga Kini. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)*, 1(1), 19 - 38
- Shah Rul Anuar Nordin. (2012). *Pemikiran Politik Islam di Aceh pada Abad Ke 17 M: Kajian Perbandingan Antara Kitab Taj Al-Salatin, Sulalah Al-Salatin dan Bustan Al-Salatin*. Tesis PhD. Universiti Tun Hussein Onn.
- Shah Rul Anuar Nordin & Nik Kamal Wan Mohamed. (2014). Impak Dakwah Kitab Taj al-Salatin kepada Masyarakat Melayu di Aceh. *Kertas kerja di Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik, Da'wah & Ethnicity: Multidisciplinary Perspective*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Stubbs, M. (1983). *Discourse Analysis: The Sociolinguistic Analysis of Natural Language*. Chicago IL: The University of Chicago Press.
- Schiffrin, D. (1987). *Discourse Markers*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Thompson, G. (1996). *Discourse Analysis*. London: Oxford University Press.
- Wan Zailan Kamaruddin Wan Ali. (2016). Hubungan Raja dengan Rakyat: Suatu Telaah terhadap *Taj al-Salatin* tari Perspektif Pemikiran Islam. *Kertas Kerja Seminar Peradaban Melayu: Rakyat, Raja dan Kerajaan*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.
- Wei Sun. (2013). The Importance of Discourse Markers in English Learning and Teaching. *Theory and Practice in Language Studies*, 3(11), 2136-2140.
- Weststeijn, A. (2017). Provincializing Grotius: International Law and Empire in a Seventeenth-Century Malay Mirror. Martti Koskeniemi, Walter Rech, Manuel Jiménez Fonseca (Eds.), *International Law and Empire: Historical Explorations*. United Kingdom: Oxford University Press.

Diperoleh (*received*): 12 November 2019

Diterima (*accepted*): 14 Mac 2020